

**GARIS PANDUAN PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO SAMBUTAN 25 TAHUN JUBLI PERAK
BAHAGIAN ZAKAT, SEDEKAH DAN WAKAF
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

1. PENGENALAN

Sempena 25 tahun penubuhan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf, pelajar dan staf UiTM dipelawa menyertai Pertandingan Mencipta Logo Sambutan 25 Tahun Jubli Perak Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf.

2. PENYERTAAN

Penyertaan pertandingan ini adalah terbuka kepada semua pelajar dan staf UiTM.

3. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- 3.1 Penyertaan pertandingan ini adalah terbuka kepada semua pelajar dan staf UiTM, kecuali kakitangan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf dan Ahli Jawatan Kuasa Agihan Zakat UiTM.
- 3.2 Setiap peserta **tidak** boleh menghantar lebih daripada **satu** penyertaan.
- 3.3 Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21 cm x 29.7cm) berwarna putih dalam komputer grafik dan dilekatkan pada kertas tebal atau mounting board dan juga disediakan dalam bentuk softcopy menggunakan format AI (*Adobe Illustration*) atau JPEG resolusi minimum 1280 x 960 atau menggunakan *software* terkini yang bersesuaian
- 3.4 Peserta hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan. Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.

- 3.5 Hasil ciptaan mestilah asli dan dan tidak boleh mengandungi unsur sensitiviti kaum, budaya dan agama. Penganjur berhak membatalkan penyertaan sekiranya ciptaan adalah tidak asli sepertimana di dalam akuan Borang Penyertaan.
- 3.6 Setiap penyertaan mestilah disertakan dengan Borang Penyertaan seperti di **LAMPIRAN A** yang lengkap diisi dengan butiran peserta (boleh dimuat turun di portal <https://zawaf.uitm.edu.my>)

4. HADIAH PERTANDINGAN

Hadiah Pertandingan Mencipta Logo Sambutan 25 Tahun Jubli Perak Bahagian Zakat, Sedekah Dan Wakaf adalah seperti berikut:-

Tempat	Insentif
Pertama	RM500 & Sijil Penghargaan
Kedua	RM300 & Sijil Penghargaan
Ketiga	RM200 & Sijil Penghargaan
10 Hadiah saguhati	RM50.00 setiap satu & Sijil Penghargaan

5. KEPUTUSAN PERTANDINGAN

- 5.1 Keputusan panel penilai adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.
- 5.2 Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat penyertaan yang ditetapkan.
- 5.3 Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk LOGO sekiranya perlu dan LOGO yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi hak milik Bahagian Zakat, Sedekah Dan Wakaf.
- 5.4 Semua pemenang akan dimaklumkan secara rasmi oleh Urusetia pertandingan.

6. PENGHANTARAN BORANG PERTANDINGAN

Semua borang penyertaan hendaklah dihantar melalui:-

**Urus Setia Pertandingan Mencipta Logo Sambutan 25 Tahun Jubli Perak
Bahagian Zakat, Sedekah Dan Wakaf**

Aras Bawah

Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin

Universiti Teknologi MARA,

40450, Shah Alam Selangor, MALAYSIA

7. TARIKH TUTUP

Tarikh tutup penyertaan adalah pada **2 hb Jun 2023 (Jumaat) jam 5.00 petang**

**BORANG PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
SAMBUTAN 25 TAHUN JUBLI PERAK
BAHAGIAN ZAKAT, SEDEKAH DAN WAKAF**

A. BUTIRAN PESERTA

NAMA	
NO. KAD PENGENALAN	
NO. PELAJAR	
FAKULTI/PROGRAM	
NO. TELEFON BIMBIT	
EMEL	

B. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa idea, konsep dan penerangan berkaitan logo dan moto yang saya peroleh serta hasil karya logo dan moto yang saya sertakan dalam pertandingan ini adalah hasil usaha saya sendiri yang asli dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan, digunakan, ditiru, diciplak dan diambil daripada mana-mana pihak atau hasil kerja orang lain. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan ini dan akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang tuntutan atau apa jua tindakan oleh mana-mana pihak berkaitan logo ini.

Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan :

Tarikh :

(Borang penyertaan hendaklah dilampirkan bersama hasil karya logo)